

## Maliki ketuai semakan tinjau persediaan lulusan ITE, poly bagi pekerjaan



DR MOHAMAD MALIKI OSMAN

MENTERI Kedua Pendidikan Dr Mohamad Maliki Osman akan mengetuai semakan untuk meninjau apa lagi yang boleh dilakukan kementeriannya untuk memastikan para lulusan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) dan lima politeknik bersedia bagi dunia pekerjaan.

Mengumumkan semakan itu semalam, Menteri Pendidikan, Encik Lawrence Wong berkata ia adalah penting untuk memastikan para lulusan "meraih kemahiran dan keupayaan kukuh yang boleh dipadankan dengan kepentingan dan juga keperluan majikan dan industri."

Lebih banyak maklumat mengenai semakan itu akan dikongsi dalam masa akan datang.

Encik Wong berkata demikian mengenai masa depan pendidikan, pada sesi pertama siri webinar yang dianjurkan Universiti Nasional Singapura (NUS) untuk meraikan ulang tahun ke-115.

Ia telah diadakan di Shaw Foundation Alumni House dengan bilangan peserta yang terhad dan ditayangkan secara dalam talian kepada lebih ramai penonton.

Siri Penceramah Unggul NUS115 dengan tema "Mencorak Masa Depan" akan berlangsung sehingga suku pertengahan dan ketiga tahun depan bergantung pada keadaan Covid-19.

Encik Wong berkata laluan pelbagai bagi pelajar merupakan satu kekuatan utama yang perlu Singapura terus mendukung.

"Di merata dunia, terlalu banyak negara telah beralih kepada model akademik pengajian tinggi atau pendidikan universiti," katanya.

"Saya rasa di Singapura kita amat bertuah dapat mengelakkan ketidakseimbangan ini kerana kita telah memberikan banyak tumpuan sepanjang beberapa tahun kepada latihan teknikal dan vokasional.

"Dan kerana itulah kita sering menyatakan bahawa ITE ialah permata dalam sistem pendidikan kita."

Piawaian emas bagi latihan teknikal dan vokasional ialah di Jerman, katanya.

Ita mempunyai laluan dua hala di mana pelajar akan menjalani program pelatih tiga tahun dengan sebuah masyarakat, menghabiskan sekitar sebahagian daripada masa mereka belajar semasa bekerja dan baki tempohnya ialah di sekolah latihan vokasional.

Sistem sedemikian yang diambil sekitar separuh daripada kohort di Jerman dipandang tinggi oleh masyarakat, katanya.

Singapura, juga telah mulakan program belajar-kerja di institut pengajian tinggi terutama ITE dan politeknik.

ITE kini menawarkan 24 program diploma bekerja-belajar teknikal yang merupakan program yang berdasarkan program pelatih dengan 70 peratus kursus yang disampaikan menerusi latihan di bekerja yang berstruktur.

Kata Encik Wong: "Ia merupakan laluan aplikasi penting bagi pelajar untuk mempelajari, meraih kemahiran kukuh dan pengalaman pekerjaan relevan."

"Kita sedang memulakan daripada kedudukan kukuh tetapi lebih banyak yang lebih dilakukan dalam bidang ini."

## Lawrence Wong: MOE dakap empat strategi bantu persiap pelajar

Kementerian akan turut tingkat usaha penuhi peluang bagi pelajar kurang mampu, bangun laluan pelbagai, kemahiran



ENCIK LAWRENCE WONG

PANDEMIK Covid-19 telah mempercepat banyak trend kemasyarakatan, ekonomi dan teknologi berskala besar dan ini akan mempunyai kesan yang berpanjangan terhadap bagaimana masyarakat hidup, bekerja dan berinteraksi antara satu sama lain, kata Menteri Pendidikan Encik Lawrence Wong.

Bagi mempersiap pelajar dengan lebih baik bagi sekitaran yang cepat berubah sekarang, Kementerian Pendidikan (MOE) akan mendakapi empat strategi utama, katanya semalam.

Ia akan mempertingkat usaha untuk memaksimumkan peluang bagi pelajar yang kurang berkecukupan, membangunkan laluan pelbagai bagi pelajar untuk memperkuatkukuh kekuatan mereka, membantu mereka membangunkan sikap dan kemahiran melebihi pengetahuan buku dan memberi tumpuan terhadap pembelajaran antara disiplin.

"Terdapat banyak trend utama sekarang yang akan terus dipercepat, perkara seperti perbelanjaan dalam talian, hiburan berbentuk digital, perhubungan alam maya dan juga kehadiran alam maya... dan trend ini akan pastinya akan berterusan selepas Covid-19," kata Encik Wong.

"Akan terdapat pemuliharaan tidak sama rata melintasi industri dan negara, pasca pandemik dan pastinya akan terdapat kesan berpanjangan terhadap bagaimana kita hidup, kerja dan berinteraksi antara satu sama lain bagi masa depan," ujar beliau.

Encik Wong berkata demikian tentang masa

depan pendidikan semasa sesi pertama siri webinar oleh Universiti Nasional Singapura (NUS) untuk meraikan ulang tahunnya yang ke-115.

Siri Penceramah Unggul NUS115 dengan tema "Mencorak Masa Depan" akan berlangsung sehingga suku pertengahan atau ketiga tahun depan bergantung pada keadaan Covid-19.

Encik Wong berkata strategi pertama MOE ialah untuk memperhebat usaha yang ada sekarang untuk memaksimumkan peluang bagi pelajar kurang berkemampuan. Pemerintah akan menambah pelaburannya dalam penyelidikan dan pembangunan bagi usaha ini.

"Kita mahu melabur lebih banyak untuk menyertakan perbezaan pada awal kehidupan dan memberi kanak-kanak akses penuh kepada sokongan kesihatan, pembelajaran dan pembangunan," katanya.

Strategi kedua ialah untuk memastikan institusi dan terus membangunkan laluan pelbagai bagi pelajar untuk memperkuuh kekuatan mereka.

Menurutnya dalam beberapa tahun, terdapat banyak pilihan bagi pelajar.

Misalnya, sekolah seperti Sekolah Tinggi Matematik dan Sains NUS bagi pelajar yang mempunyai kepentingan khusus.

Bagi mereka yang mahukan sekitaran pembelajaran lebih praktikal, terdapat Sekolah Menengah Crest dan Spectra.

Tetapi Singapura "perlu berhati-hati apabila mengambil pendekatan khusus ini secara berlebihan," katanya.

Misalnya, penyaluran pelajar yang merupakan pendekatan khusus menyebabkan stigma dan melabel serta pemikiran dalam kalangan pelajar tentang apa yang mereka sifatkan sebagai "stream yang lebih rendah," katanya.